

20 NOV 1996

IWK: FOMCA ALU TUNGGAKAN DIHAPUS

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Langkah kerajaan membatalkan tunggakan pengguna kepada Indah Water Konsortium (IWK) seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir hari ini mendapat sokongan pengguna.

Setiausaha agung Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) N. Marimuthu ketika dihubungi Bernama berkata langkah itu amat bertepatan dan harus diikuti dengan pengumuman mengenai caj baru secepat mungkin.

"Kita juga mahu tahu kedudukan mereka yang telah membayar caj yang dikenakan," katanya, yang mendakwa lebih 50 peratus pengguna telah membayar caj sejak perkhidmatan itu dimulakan.

Marimuthu juga menyokong langkah kerajaan memperkenalkan caj tetap berdasarkan kategori pengguna seperti rumah, pejabat dan kilang kerana ia lebih sesuai dan tidak menindas mana-mana pihak.

Beliau berharap kerajaan akan sentiasa mengambil kira pandangan pengguna apabila ingin memulakan sesuatu projek penswastaaan yang melibatkan kepentingan orang ramai pada masa akan datang. -- BERNAMA

LES AKD